



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan **berumur tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

1.0 JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN

GREED	:	U5		
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA		
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK (INTERIM)		
TEMPOH	:	Tiga (3) tahun atau sehingga kaedah Baharu lantikan tetap berkuat kuasa		
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1		
JADUAL GAJI	:			
		Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
		RM1,650.00	RM6.620.00	RM145.00

2.0 SYARAT LANTIKAN

- a. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
- (i) Diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan atau Kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U5 : RM 1,974.00).

3.0 SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4.0 DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas dalam aspek pengurusan, perancangan, pengawalan, pencegahan, perundangan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan aktiviti-aktiviti kesihatan awam dan kesihatan persekitaran iaitu kawalan penyakit, keselamatan dan kualiti makanan.

5.0 SYARAT – SYARAT PERMOHONAN

- i. Borang Permohonan dan maklumat Jawatan kosong boleh didapati melalui Laman Web: www.pl.gov.my;
- ii. **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan seperti berikut:**
 - a. **Sekeping gambar (ukuran passport) terkini;**
 - b. **Salinan kad pengenalan terkini ;**
 - c. **Salinan Sijil lahir pemohon dan Ibubapa;**
 - d. **Salinan Sijil-sijil persekolahan dan kelulusan akademik; (SPM/ DIPLOMA)**
 - e. **Pengesahan Pengiktirafan Kelayakan Diploma Daripada MQA Atau MQR**
 - f. **Salinan Sijil berhenti sekolah;**
 - j. **Salinan Sijil Digital Lengkap Vaksinasi Covid-19 dan**
 - h. **Salinan Sijil kegiatan luar dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.**

(semua salinan dokumen yang dinyatakan di atas perlu disahkan dari salinan asal oleh Pegawai Kerajaan Gred 9 dan ke atas atau pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Pendidikan untuk sijil-sijil berkaitan)
- iii. Pemohon hendaklah bebas daripada **apa-apa rekod jenayah**, tidak menggunakan atau **mengambil apa-apa dadah berbahaya** serta tiada masalah penyakit kronik yang boleh menjejaskan prestasi kerja;
- iv. Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (ii) dan (iii) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak; dan
- v. Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.

PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN
WISMA PERBADANAN LABUAN
TINGKAT BAWAH BLOK A
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
(U.P: JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

Bil. Fail Rujukan : PL/PSM/500-9/3
No. Talian Perhubungan : 087 – 581819, 581809, 581815
Sebelum atau pada : **31 DISEMBER 2025**

CATITAN

1. Hanya calon yang disenarai pendek akan dijemput hadir ke sesi temu duga.
2. Sekiranya pemohon yang tidak menerima panggilan untuk sesi temuduga selepas enam (6) bulan daripada tarikh iklan ditutup, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
3. Sekiranya pemohon yang dijemput hadir temuduga tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh temuduga diadakan, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
4. Perbadanan Labuan boleh melanjutkan tempoh validasi borang permohonan sehingga tempoh yang ditetapkan.